

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Bahagian A
[15 markah]


Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Suasana di pasar malam itu _____ dengan suara peniaga dan pelanggan yang tawar-menawar untuk mendapatkan harga yang sesuai.

A huru-hara C riuh-rendah
B kacau-bilau D porak-peranda

2.



Akmal _____ seorang buta melintas jalan raya yang sibuk ketika dia pulang dari sekolah.

A memaut C memimpin
B memegang D menarik

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

3. I Cikgu Arif mengajarkan penggunaan kata *majmuk* kepada murid-murid itu.
II Malaysia memiliki masyarakat *majmuk* yang terdiri daripada pelbagai kaum.
III Sekolah aliran perdana memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat *majmuk*.
IV Bangunan yang tinggi rendah di kawasan bandar itu melahirkan pandangan yang *majmuk*.

A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja

4. I Aktiviti *menjulang* emas tanpa lesen sah merupakan kesalahan dan boleh didenda.
II Emak *menjulang* air kopi dan sepiring kuih untuk dihidangkan kepada tetamu.
III Kami *menjulang* piala kemenangan yang baru diperoleh itu dengan perasaan bangga dan gembira.
IV Ketika pasukan bomba tiba, api sedang *menjulang* dari banglo yang terbakar itu.
A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Usahawan muda itu berhasrat melebarkan bidang perniagaannya ke luar negara demi memenuhi permintaan antarabangsa.
A berhasrat untuk memperlebar bidang perniagaannya
B berhasrat melebarkan dalam bidang perniagaannya
C berhasrat untuk melebarkan bidang perniagaannya
D berhasrat melebarkan bidang perniagaannya
6. Areffa bertemankan dengan sebuah radio ketika membaca buku di beranda rumahnya.
A berteman sebiji
B bertemankan sebuah
C berteman akan sebiji
D bertemankan dengan sebuah

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Baju baharu itu dibeli oleh saya di pasar malam pada minggu lepas.
II Kedua orang murid itu telah terpilih mewakili sekolah dalam pertandingan pidato peringkat negeri.
III Ibu terpaksa membakar busut itu kerana banyak anai-anai yang terdapat di busut itu.

IV Kementerian Alam Sekitar dan Air melakukan pelbagai usaha untuk memperkaya khazanah alam di negara kita.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

8. I Farid menggaru-garu lengannya yang digigit semut api itu.
II Setiap pagi, murid itu akan berjalan kaki ke sekolah yang tidak jauh dari rumahnya.
III Pemimpin mengingatkan rakyat agar bekerja keras demi meningkatkan pembangunan negara.
IV Aliya telah menulis senarai barang-barang yang akan dibelinya di pasar raya itu petang esok.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. Kerajaan telah mengurangkan jurang kemiskinan antara penduduk bandar dengan luar bandar apabila merancang aktiviti ekonomi di luar bandar melalui aktiviti pertanian komersial.

- A Jurang kemiskinan antara penduduk bandar dengan luar bandar telah dikurangkan oleh kerajaan apabila merancang aktiviti ekonomi di luar bandar melalui aktiviti pertanian komersial.
- B Melalui aktiviti pertanian komersial yang rancang di luar bandar, jurang kemiskinan antara penduduk bandar dengan luar bandar akan dikurangkan.
- C Penduduk bandar dan luar bandar yang miskin akan berkurang melalui kerancangan aktiviti pertanian komersial yang dilaksanakan kerajaan.
- D Kerancangan aktiviti ekonomi di luar bandar melalui aktiviti pertanian komersial diharapkan oleh kerajaan dapat mengurangkan jurang kemiskinan antara penduduk bandar dengan luar bandar.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10. Perselisihan faham antara Imran dengan adiknya, Kamil tidak berpanjangan kerana selepas itu mereka berbaik-baik semula.

Hal ini dikatakan seperti

- A langit dengan bumi.
- B anjing dengan kucing.
- C air dicencang tidak akan putus.
- D bagaimana acuan begitulah kuihnya.